



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SABTU, 15 NOVEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



15/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	RUANG MEMBINA KEYAKINAN INTERAKSI		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1287667/ruang-membina-keyakinan-interaksi	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	MPAJ ANJUR PROGRAM HARI TANPA KENDERAAN SEMPERA HARI KANAK-KANAK 2025		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/artikel-percuma/2025/11/mpaj-anjur-program-hari-tanpa-kenderaan-sempera-hari-kanak-kanak-2025/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	MUM OF BULLIED TEEN CALLS FOR ACTION ON TIKTOK CYBERBULLIES		NEGATIF
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/11/14/mum-of-bullied-teen-calls-for-action-on-tiktok-cyberbullies	FREEMALYSIATODAY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	GURU SILAT DIDAKWA TIGA PERTUDUHAN AMANG SEKSUAL 2 REMAJA		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1287684/guru-silat-didakwa-tiga-pertuduhan-amang-seksual-2-remaja	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/756637/berita/semasa/guru-silat-tidak-mengaku-cabul-dua-remaja	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://thesun.my/berita/tempatan/guru-silat-tidak-bersalah-amang-seksual-dua-remaja/	THESUN.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/14/umpan-ke-rumah-guru-silat-didakwa-sentuh-dua-anak-murid/	KOSMO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/14/guru-silat-didakwa-seks-luar-tabii-cabul-dua-anak-murid/	MALYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



15/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.malysiakini.com/news/760756	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.utusan.com.my/terkini/2025/11/guru-silat-dituduh-amang-seksual-fizikal-dua-anak-murid/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/guru-silat-didakwa-noda-dua-anak-didik-547560	ASTROAWANI.COM	
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/14/guru-silat-mengaku-tak-salah-cabul-seks-luar-tabii-2-murid	FREEMALYSIATODAY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	'SAYA MOHON PUAN AMPUNKAN DOSA SAYA, INI LAST'		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1287507/saya-mohon-puan-ampunkan-dosa-saya-ini-last	HMETRO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/11/lelaki-oku-dituduh-cabul-kanak-kanak-10-tahun/	UTUSAN.COM.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/penganggur-mengaku-tidak-bersalah-lakukan-amang-seksual-fizikal	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1471574/ber-tongkat-ke-mahkamah-lelaki-tak-mengaku-amang-seksual-fizikal-kanak	BHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/14/tak-serik-penganggur-didakwa-amang-seksual-fizikal-budak-lelaki-di-surau/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/14/54-tahun-tak-mengaku-amang-seksual-fizikal-kanak-kanak-di-surau/	TVSARAWAK.MY	
	https://malysiatribune.news/jenayah-mahkamah/penganggur-mohon-ampun-mengaku-tidak-bersalah-atas-dakwaan-amang-seksual-fizikal-terhadap-kanak-kanak/	MALYSIATRIBUNE.NEWS	
	https://www.sinarharian.com.my/article/756623/berita/semasa/puan-hakim-ampunkan-sayahellip-ini-terakhir	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.youtube.com/shorts/_o3ZYjpmClc	YOUTUBE	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/11/14/jobless-man-claims-trial-in-jb-court-to-sexual-assault-of-boy-at-surau/198355	MALAYMAIL.COM	
	https://www.nst.com.my/news/regional/2025/11/1314858/sex-offender-back-court-face-new-child-sexual-assault-charges	NST.COM.MY	



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



15/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	ROGOL ANAK KANDUNG: BAPA DIPENJARA 18 TAHUN, 10 SEBATAN		NEGATIF
	https://www.theborneopost.com/2025/11/14/man-gets-18-years-ten-strokes-for-raping-daughter/	THEBORNEOPOST.COM	
	https://sabahmedia.com/2025/11/14/rogol-anak-kandung-bapa-dipenjara-18-tahun-10-sebatan/	SABAHMEDIA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ruang membina keyakinan interaksi SPONSORED CONTENT

Sulati Asri



CHE Murad (dua dari kiri) bersama Mohd Naszri (empat dari kiri) ketika Majlis Penyerahan Rasmi Bilik Terapi Sensori Ronald McDonald (RMSR) di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK), Semenyih. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

Bagi kanak-kanak berkeperluan khas, setiap warna, bunyi dan sentuhan memberi makna besar dalam proses pembelajaran serta kawalan emosi mereka.

Kemudahan seperti bilik terapi sensori menjadi ruang penting untuk membantu anak-anak istimewa ini menenangkan diri, meningkatkan tumpuan dan membina keyakinan berinteraksi dengan dunia sekeliling.

Dalam usaha mempertingkatkan kualiti hidup mereka, Persatuan Kebajikan Ronald McDonald Malaysia (RMHC Malaysia) dengan sokongan rakan korporatnya, McDonald's Malaysia menyerahkan Bilik Terapi Sensori Ronald McDonald (RMSR) di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Semenyih, baru-baru ini, bersempena Bulan Komuniti McDonald's dan RMHC Malaysia.

Pengurus Besar RMHC Malaysia, Mohd Naszri Nordin berkata penyerahan bilik terapi yang dinaik taraf itu bukan sekadar simbolik serahan kemudahan, sebaliknya menandakan komitmen berterusan RMHC Malaysia dalam memperkasa kesejahteraan komuniti serta memperluas kesedaran mengenai kepentingan pembangunan anak-anak istimewa melalui terapi yang berkualiti dan inklusif.

Lebih bermakna, katanya, RMSR di PPDK Semenyih itu adalah yang pertama di bawah rangkaian lebih 580 PDK di seluruh negara, dibangunkan bagi membantu lebih ramai kanak-kanak berkeperluan khas seperti autisme dan ADHD terutama daripada keluarga B40 mendapat akses terapi seterusnya meningkatkan fokus, keyakinan diri serta kemahiran kognitif mereka.

"Bilik terapi sensori ini bukan sekadar ruang terapi, tetapi ruang untuk anak-anak istimewa belajar, meneroka dan membina keyakinan diri dalam suasana yang positif demi perkembangan yang baik.

"Kami percaya, apabila komuniti dibekalkan dengan kemudahan yang betul, kesejahteraan dan kualiti hidup mereka turut meningkat," katanya selepas Majlis Penyerahan Bilik Terapi Sensori Ronald McDonald di PPDK Semenyih.

Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Datuk Che Murad Sayang Ramjan, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor Azmir Kassim dan Naib Presiden PPDK Semenyih Rosli Ismail.

Mohd Nasri berkata kerjasama antara RMHC Malaysia, JKM dan McDonald's Malaysia membuktikan bagaimana sinergi antara sektor korporat, NGO dan agensi kerajaan mampu membawa impak sosial yang mampan, terutama dalam memperluas capaian terapi kepada golongan luar bandar.

Menurutnya, sebelum ini 35 bilik terapi sensori RMHC Malaysia sudah ditempatkan di hospital, pusat pendidikan khas dan pusat jagaan anak autisme.

"Selepas bekerjasama dengan JKM, kami dapati PDK lebih sesuai kerana ia dapat memperluas capaian kepada masyarakat, berada di tengah komuniti, termasuk kawasan luar bandar.

"Kami juga memilih PPDK Semenyih kerana ia antara pusat terbaik di Selangor yang sudah menerima pelbagai bantuan sensori dan latihan daripada RMHC Malaysia sejak 2022," katanya.

Beliau berkata, bagi memastikan kemudahan yang dibina berfungsi dengan baik dalam jangka panjang, RMHC Malaysia akan terus menyelenggara dan melakukan penambahbaikan berterusan di setiap bilik terapi selain memberi latihan khusus kepada jurupulih di PPDK supaya mereka dapat mengendalikan peralatan dengan betul dan selamat.

"Saya juga berharap lebih banyak syarikat korporat tampil sama ada berkolaborasi dengan NGO dan JKM bagi memperluas akses kepada rawatan dan terapi kerana ia sangat diperlukan," katanya.

Che Murad menyambut baik kerjasama antara RMHC dan JKM itu, sambil menekankan usaha kebajikan tidak boleh digalas satu pihak sahaja, sebaliknya memerlukan sinergi seluruh komuniti dan pihak industri.

Katanya, RMHC Malaysia sudah lama aktif dalam usaha kebajikan sejak 1999 dan bilik terapi sensori ini adalah yang ke-36 di seluruh negara.

"Ini membuktikan komitmen RMHC Malaysia yang konsisten lebih 20 tahun dalam membantu anak-anak istimewa mendapatkan akses kepada kemudahan terapi," katanya.

Menurutnya, pihaknya amat mengalu-alukan pembabitn lebih banyak organisasi bagi memperluas kemudahan terapi seperti yang disediakan oleh RMHC Malaysia.

"Anggaran kos terapi di pusat swasta boleh mencecah hingga RM1,400 sebulan. Bayangkan untuk golongan B40, mereka tentu sekali tidak mampu.

"Oleh itu, kami berharap kerjasama antara RMHC Malaysia dan JKM ini dapat menjadi contoh kepada lebih banyak syarikat dan organisasi lain untuk turut memainkan peranan membantu komuniti berkeperluan khas di negara ini, sekali gus memastikan lebih ramai kanak-kanak istimewa berpeluang mengembangkan potensi mereka sepenuhnya," katanya.



MUAZ dibantu ibunya, Azinda (kanan) dan petugas PPDK Semenyih, Norhayati Pehrarni melakukan fisioterapi di dalam bilik terapi.

Sementara itu, bagi Nor Azinda Mahmud, 46, kemudahan Bilik Terapi Sensori Ronald McDonald itu banyak membantu anaknya, Muaz Ahmad Fakhru' Orif, 12, yang menghidap autisme ringan untuk lebih tenang dan terkawal dari segi emosi.

"Muaz paling suka bermain bola, tertarik dengan bunyi-bunyian, cahaya serta gelembung air dalam bilik itu. Selain membantunya lebih fokus, dia juga tidak pernah bosan berada dalam bilik itu," katanya.

Menurut ibu kepada lima anak ini, dia pernah membawa anaknya menjalani rawatan terapi di hospital kerajaan, namun sesi yang ditawarkan terlalu singkat dan tidak mempunyai kemudahan seperti bilik sensori berkenaan.

"Dulu terapi di hospital 30 minit saja. Kalau di swasta pula, cajnya lebih RM1,000 sebulan, memang kami tidak mampu.

"Jurupulih di sini juga sangat berdedikasi, tahu menggunakan segala peralatan untuk bantu anak-anak mencapai potensi mereka," katanya.

Oleh itu, Nor Azinda berharap kerjasama antara RMHC Malaysia dan JKM akan diteruskan bagi memberi peluang kepada lebih ramai keluarga mendapatkan kemudahan terapi percuma seperti itu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MPAJ anjur program hari tanpa kenderaan sempena Hari Kanak-kanak 2025



Hasrolnizam Shaari,

Oleh MEDIA MULIA 14 November 2025, 8:08 pm

PETALING JAYA: Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) bakal menganjurkan Program Hari Tanpa Kenderaan Sempena Hari Kanak-Kanak Peringkat MPAJ Tahun 2025 pada 16 November, iaitu Ahad ini bermula pukul 7 pagi bertempat di Padang Perbandaran MPAJ, Pandan Indah.

Program ini diadakan bersempena sambutan Hari Kanak-Kanak bagi meraikan golongan cilik yang menjadi pewaris masa depan negara, di samping mendidik masyarakat tentang pentingnya gaya hidup sihat dan mesra alam.

Menurut Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Hasrolnizam Shaari, program itu juga merupakan satu langkah proaktif dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan bermotor.

"MPAJ amat komited dalam mewujudkan bandar yang lebih hijau dan lestari. Program ini mendidik masyarakat tentang impak positif apabila kita kurangkan penggunaan kenderaan – ia bukan sahaja mengurangkan pencemaran, malah mewujudkan ruang awam yang lebih selamat dan sihat untuk semua," katanya.



Pelbagai aktiviti menarik dan interaktif telah dirancang bagi menarik penyertaan semua lapisan masyarakat, terutamanya kanak-kanak. Antaranya termasuklah Fun Walk, Aktiviti Zumba, serta Eksplorasi Sukan Rakyat dan Warisan yang menyuntik elemen kebudayaan dalam suasana riang dan santai.

Untuk kanak-kanak, terdapat pertandingan mewarna, sukaneka, persembahan kanak-kanak, serta permainan Supa Dupa dan Popcorn Cotton Candy – semuanya dirancang untuk menjadikan hari tersebut penuh ceria dan menggembirakan.

Salah satu acara yang dijangka mendapat sambutan hangat ialah "Cabaran di Dapur Bersama Chef Cilik", iaitu pertandingan memasak

khas buat si kecil yang berbakat. Di samping itu, pengunjung juga akan dihiburkan dengan pertunjukan cosplay yang menampilkan pelbagai watak adiwira dan animasi kegemaran ramai.

Prihatin terhadap kesejahteraan masyarakat, MPAJ turut menyediakan pemeriksaan kesihatan percuma serta mengedarkan susu percuma daripada Farm Fresh sebagai galakan kepada amalan pemakanan sihat sejak kecil.

Untuk pengunjung yang ingin menikmati hidangan enak, terdapat gerai jualan makanan dan minuman, termasuk jualan Rahmah yang menawarkan barangan pada harga mesra rakyat, seiring dengan inisiatif kerajaan dalam membantu golongan berpendapatan rendah.

MPAJ menyeru seluruh warga Ampang Jaya serta kawasan sekitar untuk hadir beramai-ramai bagi memeriahkan program ini. Ia bukan sahaja medan hiburan keluarga, malah platform penting untuk memperkukuh hubungan komuniti dan semangat kejiranan.

Program ini membawa mesej jelas melalui temanya:

#RakyatHarmoniAmpangSejahtera – satu aspirasi ke arah komuniti yang lebih bersatu, sihat dan seimbang.

Sebarang pertanyaan mengenai program ini boleh diajukan kepada urus setia menerusi nombor berikut: Pn. Norhanim (010-5343292) atau En. Ashraf (017-8204448).

Ayuh, bawa keluarga anda dan sertai kemeriahan Hari Kanak-Kanak 2025 bersama MPAJ!

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mum of bullied teen calls for action on TikTok cyberbullies

She says cyberbullying on TikTok has become increasingly common, with several Malaysians taking their own lives as a result.



An influencer wants the authorities to act against the perpetrators of cyber-bullying on TikTok, saying it has taken a serious emotional toll on her daughter who attempted suicide recently.

PETALING JAYA: A TikTok influencer whose daughter attempted suicide after being targeted in a cyberbullying campaign by troll accounts is pleading for the authorities to take action.

Speaking to FMT on condition of anonymity, the influencer said cyberbullying on TikTok has become increasingly common – with several Malaysians taking their own lives after becoming victims of constant harassment.

She said she has faced online harassment since last year, which escalated when trolls targeted her daughter and launched personal attacks on her family.

The harassment took a serious emotional toll on the influencer's daughter, who, after being pressured by her college peers about the claims against her family, attempted to end her life by ingesting psychiatric pills on Aug 13.

She was rushed to a hospital in Klang.

According to the influencer, she filed a police report the following day, detailing her daughter's suicide attempt and hospitalisation.

"She is now doing better after undergoing psychiatric treatment twice. However, she has stopped going to college following the ordeal," said the influencer.

"It's not just my daughter... They (cyberbullies) threatened to pour acid on me and to kill my husband, which are acts of criminal intimidation – yet no action has been taken.

"Lives have been lost to cyberbullying (on TikTok) but this problem can be resolved if the police acted on the perpetrators."

The influencer said she was disappointed that no arrests have been made despite the Penal Code's "Esha clause" coming into force last December.

The Esha clause refers to Section 507D of the Penal Code, which criminalises threatening, insulting or harassing words or actions intended to provoke self-harm or harm to others.

The clause was named to honour the memory of social media influencer A Rajeswary, better known as Esha.

The 29-year-old was found dead at her home in Setapak, Kuala Lumpur, on July 5 last year, a day after she filed a police report stating that she was being harassed on TikTok.

Pleading for minister's intervention

Separately, a human rights activist has urged women, family and community development minister Nancy Shukri to intervene following relentless cyberbullying, defamation and false accusations she has faced since serving as a witness in Rajeswary's case.

"My mental health has deteriorated under this unending pressure, and my family has become the target of malicious online attacks, causing great distress and fear for our safety," she said in an e-mail to the minister on Oct 30, sighted by FMT.

She added that other key witnesses linked to the case are also being harassed online, with their names tied to false stories and subjected to threatening and vulgar remarks. However, no action has been taken despite multiple reports to the police and other authorities.

The activist noted that perpetrators can simply create new fake accounts after bans, and content moderation for harmful material in Tamil remains "dangerously weak".

Calling on Nancy to engage TikTok and other platforms to improve moderation in Tamil and remove live streams facilitating abuse, she also requested a meeting with the minister to present all the evidence she has gathered.

"I humbly seek your urgent intervention: immediate protective measures for myself and others connected to the case, including a review of witness protection protocols," she wrote in the email.

"I truly believe that justice delayed is justice denied."

Nancy confirmed to FMT receipt by her office of the activist's e-mail. The minister said she has reached out to the office of communications minister Fahmi Fadzil to highlight the urgency of the matter.

These two cyberbullying cases are among eight police reports filed by rights group Global Human Rights Federation and other individuals since May detailing harassment, online doxxing, and physical threats on TikTok by troll accounts.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Guru silat didakwa tiga pertuduhan amang seksual 2 remaja

Meor Ridwan Meor Ahmad
am@hmetro.com.my



YUSOF minta dibicara atas tiga pertuduhan jenayah seksual terhadap dua remaja perempuan berusia 14 dan 15 tahun. FOTO Meor Ridwan Meor Ahmad.

Melaka: Guru silat dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, hari ini, atas tiga pertuduhan amang seksual fizikal dan persetubuhan luar tabii membabitkan dua remaja perempuan bawah umur dalam kejadian pada September dan Oktober lalu.

Tertuduh, Yusof Omar, 44, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sejurus semua pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah, sebelum meminta untuk dibicarakan.

Prosiding berkenaan dijalankan secara berasingan di dua mahkamah, masing-masing di hadapan Hakim Raja Noor Adilla Raja Mahyaldin (Mahkamah Sesyen 2) dan Hakim Rohatul Akmar Abdullah (Mahkamah Sesyen 3).

Pendakwa diwakili Timbalan Pendakwa Raya, Muhamad Ehsan Nasarudin dan Fiqri Hakim Zamri manakala peguam Nigel Tai mewakili tertuduh.

Bagi kes pertama Yusof didakwa atas dua tuduhan sengaja melakukan amang seksual fizikal terhadap remaja perempuan berusia 15 tahun dan memaksanya melakukan persetubuhan yang bertentangan aturan tabii.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di atas katil di sebuah rumah di Taman Telok Mas, di sini, pada 13 September lalu, kira-kira jam 2 petang.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh dikenakan sebatan.

Bagi kesalahan melakukan persetubuhan bertentangan aturan tabii, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 377C Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara antara lima hingga 20 tahun serta sebatan.

Sementara itu, di Mahkamah Sesyen 3, tertuduh turut berdepan pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap remaja perempuan berusia 14 tahun di tempat sama pada 8 Oktober lalu, kira-kira jam 8 pagi.

Terdahulu, pendakwaan mencadangkan jaminan RM70,000 bagi semua pertuduhan berserta syarat tidak mengganggu mangsa, melaporkan diri di balai polis berhampiran serta menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Peguam, Nigel Tai bagaimanapun merayu jaminan paling minimum atas alasan tertuduh hanya bekerja sebagai guru silat dengan pendapatan tidak menentu dan kurang daripada RM1,000, menghidap penyakit 'tiga serangkai' dan kaki kini bernanah.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM24,000 dengan seorang penjamin berserta syarat seperti dipohon pendakwaan.

Sebutan semula kes bagi serahan dokumen dan lantikan peguam di Mahkamah Sesyen 2 dan 3, masing-masing ditetapkan pada 15 dan 23 Disember depan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



'Saya mohon puan ampunkan dosa saya, ini last'

Izz Laily Hussein
am@metro.com.my



PENGANGGUR dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru, hari ini atas tuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak lelaki minggu lalu. FOTO Izz Laily Hussein.

Johor Bahru: "Saya mohon puan (hakim) ampunkan dosa saya, ini 'last' (terakhir)," kata seorang penganggur yang dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas tuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun, minggu lalu.

Tertuduh, Hishamudin Kumaran Abdullah, 54, mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Nor Aziati Jaafar.

Berdasarkan kertas pertuduhan, lelaki itu didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap kanak-kanak berkenaan di sebuah surau dekat Pontian, kira-kira jam 7.40 malam, 8 November lalu.

Bagi perbuatan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh dikenakan sebat, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Nur Farah Wahida Shahudin membantah sebarang jaminan diberikan kepada tertuduh walaupun mahkamah mempunyai budi bicara untuk membenarkan lelaki itu diikat jamin atau tidak.

Beliau berhujah, pendakwa mempunyai bukti untuk menuduh tertuduh dan pertuduhan ke atas tertuduh juga mempunyai asas berdasarkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) surau berkenaan yang menunjukkan keberadaan tertuduh dan mangsa di lokasi kejadian ketika kejadian berlaku.

"Pertuduhan ini juga membabitkan kanak-kanak dan ia adalah satu kesalahan yang serius dengan hukuman penjara juga tidak melebihi 20 tahun.

"Tertuduh juga bukan pesalah kali pertama dan mempunyai rekod lampau dalam pelbagai kesalahan jenayah sejak 1993 hingga 2008 dengan dua kes di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan sudah dijatuhkan hukuman iaitu turut membabitkan kesalahan cabul kehormatan dan kes gangguan seksual.

"Terdapat risiko untuk tertuduh melakukan kesalahan sama atau mengulangi perbuatannya kepada orang awam lain jika dia dilepaskan dengan jaminan," katanya.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam ketika diminta membuat rayuan jaminan berkata, dia tidak mempunyai sesiapa dan hidup susah.

"Semua dah buang saya. Saya duduk surau atau masjid, saya pergi dakwah, saya sembahyang kuat. Saya tak ada kerja.

"Sekarang saya OKU (orang kurang upaya), mata sebelah tak nampak, kaki pun cacat, tak tahu mana nak duduk, sebab itu saya jadi macam ini," katanya.

Mahkamah kemudian tidak membenarkan sebarang jaminan diberikan terhadap tertuduh dan kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 16 Januari 2026 bagi serahan dokumen.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Pontian, Superintendan Mohammad Shofee Tayib dalam satu kenyataan berkata, pihaknya menerima laporan dibuat oleh bapa kanak-kanak berkenaan berhubung satu kejadian amang seksual fizikal.

"Pengadu mendakwa didatangi imam surau yang memaklumkan ketika anaknya sedang menunggu solat Isyak, kanak-kanak itu didekati seorang lelaki tidak dikenali yang juga jemaah surau berkenaan.

"Lelaki itu dikatakan mencabul kanak-kanak berkenaan dan kemudian pihak surau melihat CCTV bagi kepastian.

"Hasil siasatan mendapati lelaki itu telah memberikan wang RM10 kepada mangsa sebelum melakukan itu.

"Mangsa yang takut kemudian memaklumkan kepada imam surau dan kemudian kita menahan lelaki yang mempunyai lebih 10 rekod jenayah lampau atas pelbagai kesalahan itu," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



| Man gets 18 years, ten strokes for raping daughter

BY JEGATHISAN SWANESAN ON NOVEMBER 14, 2025, FRIDAY AT 8:50 PM

SABAH



KOTA KINABALU (Nov 14): A 34-year-old man was sentenced to 18 years in prison and ten strokes of the cane today after pleading guilty during a trial for a charge of raping his daughter.

Sessions Court judge Zaini Fishir handed down the sentence after the prosecution called five witnesses during the trial, prompting the man to change his plea.

The court heard that the offence occurred on December 19, between 11am and 11.30am at a residence in Putatan.

The man was charged under Section 376(3) of the Penal Code, which carries a jail term of between eight and 30 years and a minimum of ten strokes of the cane upon conviction.

The sentence was ordered to take effect from the date of conviction.

During mitigation, the man, who was unrepresented, expressed remorse and apologised for his actions.

He also informed the court that he has young children to care for and suffers from health issues. He asked for a lighter sentence.

Deputy Public Prosecutor (DPP) Eugenie A Gilbert urged the court to impose a strict sentence, citing the seriousness of the offence.

She highlighted that the accused had failed in his duty to care and protect his daughter and caused significant harm to her.